

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 22 Oktober 2021 berkaitan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi negeri Johor dan Terengganu ke Fasa 4 PPN berkuat kuasa pada 25 Oktober 2021.

KPM telah menetapkan bahawa jika sesebuah negeri beralih ke fasa seterusnya, pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM mengikut ketetapan fasa baharu akan dilaksanakan selepas dua (2) minggu daripada tarikh peralihan ke fasa tersebut. Ini bermakna pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM bagi negeri Johor dan Terengganu mengikut ketetapan Fasa 4 PPN akan bermula pada 7 November 2021.

Sehubungan dengan itu, pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM bagi negeri Johor dan Terengganu terus beroperasi berdasarkan ketetapan negeri Fasa 3 PPN pada 25 Oktober 2021. Pengoperasian Fasa 3 PPN ini melibatkan murid prasekolah, murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Sekolah Menengah

Pendidikan Khas Vokasional dan Program Pendidikan Khas Integrasi, Tingkatan 6 Semester 2, Prauniversiti Sekolah Sukan Malaysia, kelas peperiksaan awam di sekolah asrama sepenuhnya/sekolah harian/sekolah swasta, *International Baccalaureate Diploma*, serta kelas peperiksaan antarabangsa (IGCSE O-Level, A-Level dan IBD) dan kelas peperiksaan antarabangsa yang lain.

Bermula 7 November 2021, pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM di negeri Johor dan Terengganu adalah mengikut ketetapan pengoperasian Fasa 4 PPN. Namun, sekolah kerajaan bawah KPM di negeri Johor dan Terengganu hanya akan memulakan operasinya pada 8 November 2021 kerana 7 November 2021 adalah cuti tambahan yang diperuntukkan dalam takwim KPM sempena perayaan Deepavali. Ini turut melibatkan kemasukan bagi murid Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) sekolah rendah serta murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 sekolah menengah. Walau bagaimanapun, institusi pendidikan swasta yang berdaftar bawah KPM beroperasi mengikut takwim masing-masing.

Kehadiran murid Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) sekolah rendah serta kelas peralihan, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 sekolah menengah bagi negeri Johor dan Terengganu akan bermula pada 14 November 2021, iaitu seminggu selepas negeri-negeri tersebut memulakan pengoperasian berdasarkan ketetapan Fasa 4 PPN.

Institusi pendidikan bawah KPM dalam kenyataan media ini turut merujuk kepada institusi pendidikan swasta yang berdaftar bawah KPM bagi kategori sekolah dan kategori pusat.

KPM menyarankan agar ketetapan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM, termasuk institusi pendidikan bawah kerajaan negeri.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
24 OKTOBER 2021